

TARIKH	05 / 04 / 2016	SEKSYEN	Dalam Negeri
MUKA SURAT	8	RUANGAN	

Menangi pakej percutian bersama Tabung Haji

KUALA LUMPUR 4 April - Bicara Haji Mega, *Utusan Malaysia* - Tabung Haji yang memasuki tahun kelapan bakal diteruskan bermula Jumaat ini sehingga 29 Julai depan dengan menyediakan informasi ibadah haji dan hadiah lebih menarik melalui soalan kuiznya.

Menurut Tabung Haji, orang ramai hanya perlu menjawab soalan yang diberi dan mengumpulkan daripada siri satu hingga 15 untuk memenangi satu daripada 16 pakej percutian hotel TH Hotel & Residence Sdn. Bhd. selama tiga hari dua malam di Kota Kinabalu, Sabah; Kuala Terengganu, Terengganu dan Alor Setar, Kedah.

"Setiap penyertaan hendaklah disertakan dengan 15 Masthead Mega, *Utusan Malaysia* berserta borang penyertaan rasmi kuiz yang disediakan dan pemenang akan ditentukan dengan slogan serta kreativiti terbaik selain jawapan yang betul.

"Penyertaan yang telah lengkap boleh dihantar ke alamat Utusan Melayu (M) Berhad, No. 44, Jalan Utusan, Off Jalan Chan Sow Lin, 55200, Kuala Lumpur bermula 22 Julai sehingga tarikh tutupnya



pada 31 Julai," katanya.

Kolum Bicara Haji yang akan disiarkan pada setiap Jumaat dalam sisipan Mega, *Utusan Malaysia* menyediakan maklumat berkaitan ibadah haji dan permasalahan lazim dihadapi jemaah di negara ini sebagai persediaan bakal jemaah haji.

Antara tajuk Bicara Haji termasuk Falsafah Haji, Pengurusan Haji di Tanah air, Dam dan Penyelesaiannya; Permasalahan Hukum di Masjidilharam, Masalah Wanita di Tanah Suci, Pengurusan Haji di Tanah Suci, Kesihatan, Haji Mabur dan Tanda-Tandanya, Larangan Ihram dan Kemusykilan Tawaf.

Tajuk perbincangan tersebut dikongsi oleh pakar ibadah haji dan pengendali jemaah haji termasuk Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri yang juga Ahli Jawatankuasa Penasihat Ibadat Haji, Tabung Haji - Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.